



**KENYATAAN AKHBAR  
TIMBALAN KETUA PENGARAH KESIHATAN (KESIHATAN AWAM)  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI DI MALAYSIA  
Bagi Minggu 31/2013 (28 Julai hingga 3 Ogos 2013)**

*‘Peningkatan kes dan kematian Demam Denggi’*

Satu (1) lagi kematian denggi dilaporkan pada minggu ke-31/2013 menjadikan jumlah keseluruhan kematian di seluruh negara sehingga kini sebanyak 32 kematian, meningkat sebanyak 6 (enam) kematian atau 23% berbanding 26 kematian yang dilaporkan bagi tempoh yang sama tahun 2012. Kes kematian dilaporkan di Johor melibatkan seorang pemandu lori berusia 26 tahun. Pesakit yang mengalami gejala demam, muntah, sakit otot dan sendi, telah di rawat di Unit Rawatan Rapi (ICU), walau bagaimanapun meninggal dunia dengan sebab kematian *Dengue Shock Syndrome*. Hasil Pemeriksaan Pembiakan Aedes yang dijalankan di kawasan kediaman pesakit mendapati nilai Aedes Indeks adalah tinggi iaitu 7.3%.

Sejumlah 654 kes denggi dilaporkan pada minggu ke-31, iaitu dari 28 Julai hingga 3 Ogos 2013, meningkat sebanyak 9 kes (1.4%) berbanding minggu sebelumnya. Jumlah kumulatif kes denggi yang dilaporkan sehingga 3 Ogos 2013 adalah sebanyak 16,054 kes, meningkat sebanyak 19% atau 2,521 kes berbanding 13,533 kes bagi tempoh yang sama tahun 2012 (Lampiran A). Terdapat empat (4) negeri yang menunjukkan peningkatan bilangan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu WP Kuala Lumpur dan Putrajaya melaporkan 37 kes (137%), Negeri Sembilan 6 kes (60%), WP Labuan 2 kes (200%) dan Pulau pinang 2 kes (11.8%).

Terdapat enam (6) lokaliti hotspot yang dilaporkan pada minggu ini iaitu di PJS 8 Mentari Court 1, PJS 8 Mentari Court 2, Saujana Puchong SP 7, Taman Pinggiran USJ 2 (Sri Nipah), masing-masing di daerah Petaling, Selangor manakala Taman Tasik Jaya (Jalan 15 – 22) di Negeri Sembilan dan Pengkalan Quay (Weld Quay) di Pulau Pinang. Daripada analisa KKM, sejumlah 145 lokaliti wabak berlaku di 11 buah negeri di seluruh Malaysia iaitu 82 lokaliti di Selangor, 35 lokaliti di Johor, 9 lokaliti di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya, 5 lokaliti di Perak, 5 lokaliti di Perak, 3 lokaliti di Negeri Sembilan, masing-masing 2 lokaliti di Pulau Pinang, Perlis, Kedah, Kelantan dan Pahang serta 1 lokaliti di Melaka.

Kementerian Kesihatan menyeru masyarakat agar mengambil peluang sempena hari perayaan yang bakal tiba untuk membersihkan kawasan persekitaran rumah supaya bebas dari pembiakan Aedes. Pastikan bekas-bekas yang digunakan seharian seperti kolah, tong, baldi dan lain-lain bekas tiada mempunyai pembiakan Aedes. Bekas-bekas tersebut perlulah ditutup rapat atau dimasukkan bahan pembunuh jentik-jentik (Abate). Penyemburan racun serangga (Aerosol) disarankan oleh KKM untuk dijalankan sendiri oleh masyarakat di dalam tempat-tempat kediaman bagi tujuan membunuh nyamuk Aedes dewasa yang berada di dalamnya. Bersempena dengan bulan yang mulia ini, Pihak KKM ingin merakamkan ucapan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada seluruh umat Islam di Malaysia dan sentiasa ingatlah “Tiada Aedes, Tiada Denggi”.

**DATUK DR LOKMAN HAKIM BIN SULAIMAN**

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

Kementerian Kesihatan Malaysia

**5 Ogos 2013**

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 31/2013  
(28 Julai hingga 3 Ogos 2013)**

| Bil | Negeri           | Bilangan Kes dan Kematian di laporkan |                                   | Jumlah Terkumpul kes Denggi sehingga minggu 31/2013 | Jumlah Terkumpul kes Denggi sehingga minggu 31/2012 |
|-----|------------------|---------------------------------------|-----------------------------------|---|---|
|     |                  | Minggu 31<br>(28 Julai – 3 Ogos 2013) | Minggu 30<br>(21 – 27 Julai 2013) |   |   |
| 1   | Perlis           | 4                                     | 6                                 | 148 (1)   | 124   |
| 2   | Kedah            | 20                                    | 22                                | 507 (1)   | 513 (3)   |
| 3   | P. Pinang        | 19                                    | 17                                | 432 (2)   | 521 (1)   |
| 4   | Perak            | 26                                    | 32                                | 1,078   | 963 (4)   |
| 5   | Selangor         | 308                                   | 322 (2)                           | 7,150 (9)   | 6,058 (11)  |
| 6   | WPKL & Putrajaya | 64                                    | 27                                | 1,259 (6)   | 1,253 (3)   |
| 7   | N. Sembilan      | 16                                    | 10                                | 364   | 280 (1)   |
| 8   | Melaka           | 14                                    | 17                                | 312 (1)   | 338   |
| 9   | Johor            | 98 (1)                                | 103                               | 2,196 (8)   | 1,001 (1)   |
| 10  | Pahang           | 15                                    | 16                                | 335   | 410 (1)   |
| 11  | Terengganu       | 10                                    | 11                                | 183   | 484   |
| 12  | Kelantan         | 31                                    | 32                                | 803 (1)   | 711   |
| 13  | Sarawak          | 15                                    | 15                                | 880 (2)   | 580   |
| 14  | Sabah            | 13                                    | 15                                | 401 (1)   | 289 (1)   |
| 15  | WP Labuan        | 2                                     | 0                                 | 7   | 8   |
|     | Jumlah           | 655 (1)                               | 645 (2)                           | 16,055 (32)   | 13,533 (26)   |

Nota: ( ) Kematian

\* Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan

**SENARAI LOKALITI “HOTSPOT” DILAPORKAN  
PADA MINGGU 31 BAGI TAHUN 2013**

| <b>Bil</b> | <b>Negeri</b>   | <b>Daerah</b> | <b>Lokaliti</b>                           | <b>Jumlah Kes</b> | <b>Tempoh Wabak Berlaku (Hari)</b> | <b>Indeks Aedes</b> |
|------------|-----------------|---------------|---|-------------------|------------------------------------|---------------------|
| 1          | Negeri Sembilan | Seremban      | Tmn Tasik Jaya<br>(Jalan 15 - 22)         | 8                 | 30                                 | 0.4%                |
| 2          | Pulau Pinang    | Timur Laut    | Pengkalan Quay<br>(Weld Quay)             | 8                 | 30                                 | 18.8%               |
| 3          | Selangor        | Petaling      | Pjs 8 Mentari Court 1<br>(Blok A, B, C,D) | 53                | 47                                 | 2.8%                |
| 4          | Selangor        | Petaling      | Pjs 8 Mentari Court 2<br>(Blok E, F & G)  | 20                | 47                                 | 0.4%                |
| 5          | Selangor        | Petaling      | Saujana Puchong<br>SP 7                   | 22                | 49                                 | 0%                  |